

RANCANGAN PERNIAGAAN
ASAS KEUSAHAWANAN
(ETR 300)

TROPICANA JAM ENTERPRISE
(MEMBUAT DAN MENGEDAR
JEM BUAH-BUAHAN TROPIKA)

FAKULTI PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN MELAKA
JUN-NOV 1999



INSTITUT TEKNOLOGI MARA CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 22hb. Julai 1999
Surat Tuan:
Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963 06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma In Banking Studies di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Arafah bt. Hj. Husin	97107879
2.	Neza Irdawate bt. Mohd Idris	97108319
3.	Nor Azlina bt. Hasmuni	97108340
4.	Noral Izleen bt. Ahmad Latffi	97192983
5.	Suzilah bt. Muhd Saraib	97108612

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebar kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

ASMAH HJ. ZAINUDDIN

Ketua Kursus DIB

ITM Melaka.

b/p Provos

TROPICANA JAM ENTERPRISE

Diploma Pengurusan Bank (05)

Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

KM 26, Jalan Lendu

78000 Alor Gajah

Melaka

5 OKTOBER 1999

Tuan Hj. Ahmad Wahid

Pensyarah ETR 300

Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

KM 26, Jalan Lendu

78000 Alor Gajah

Melaka

Tuan,

Penyerahan Rancangan Perniagaan (ETR 300) Bagi Sesi Jun – Oktober 1999

Merujuk kepada perkara di atas kami dengan segala hormatnya dan berbesar hati menyerahkan Rancangan Perniagaan kami bagi projek Membuat dan Mengedar Jem Buah-buahan Tropika. Semua urusan perniagaan kami bernaung di bawah syarikat perkongsian kami, iaitu Tropicana Jam Enterprise.

2. Kami telah mencuba dengan sedaya upaya kami bagi mengumpul segala maklumat yang diperlukan tentang perniagaan yang bakal kami ceburi kelak. Dengan terhasil Rancangan Perniagaan ini, kami mengharapkan ia bukan sahaja dapat memberikan manfaat dan faedah hanya kepada kami tetapi juga kepada sesiapa yang benar-benar berminat untuk menceburi perniagaan seperti ini.

TROPICANA JAM ENTERPRISE


3. Penyediaan projek ini adalah hasil kerjasama lima orang pelajar semester 05 Diploma Pengurusan Bank Universiti Teknologi MARA, cawangan Melaka. Rancangan Perniagaan ini merangkumi semua aspek dalam memulakan perniagaan iaitu pentadbiran, pemasaran, operasi dan kewangan di mana setiap aspek mempunyai kepentingan dalam memastikan kejayaan sesebuah perniagaan.

4. Kami juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan di atas segala tunjuk ajar dan nasihat yang diberikan bagi kami menyiapkan Rancangan Perniagaan ini. Tidak lupa juga kepada pihak-pihak yang terlibat dalam menyiapkan Rancangan Perniagaan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung.

5. Akhir kata, kami berharap agar Rancangan Perniagaan yang telah kami sediakan ini akan mendapat penilaian dan sewajarnya daripada pihak Tuan.


Sekian, terima kasih

Yang benar



ARAFAH HJ. HUSIN

97107879




NEZA IRDAWATE MOHAMED IDRIS

97108319




NOR AZLINA HASMUNI

97108340



NORAL IZLEEN AHMAD LATFFI

97192983



SUZILAH MOHAMAD SARAIB

97108612

1.0 PENGENALAN

Makanan merupakan salah satu keperluan asas bagi manusia untuk hidup. Oleh itu industri makanan merupakan satu bidang perniagaan yang mempunyai peluang untuk maju dan mempunyai masa depan yang cerah.

Selaras dengan hasrat Kerajaan yang ingin melihat Bumiputera melibatkan diri dalam arena perniagaan, kami telah mengambil inisiatif untuk melibatkan diri dalam perniagaan membuat jem daripada hasil-mahsul buah-buahan tropika iaitu terdiri daripada buah nanas, belimbing dan pink guava.

Kami memilih untuk menceburi perniagaan membuat jem kerana perniagaan yang berkonsepkan seperti perniagaan kami ini belum wujud secara komersial di Melaka. Jem yang dipasarkan secara komersial di Melaka adalah didatangkan dari negeri-negeri lain di Malaysia.

Berdasarkan kajian yang telah kami jalankan, jem memang mendapat tempat di pasaran tempatan dan antarabangsa. Ini adalah kerana kesesuaiannya untuk dimakan dengan roti dan didapati juga permintaan terhadap jem sering meningkat lebih-lebih lagi pada musim perayaan kerana ia juga digunakan dalam proses pembuatan biskut dan kek. Lazimnya pemasaran jem merupakan suatu pasaran yang tidak dihadkan oleh faktor masa dan keadaan.